



جَابِئَاتُ مَفْتِنِ كَرِيهِ قَمَح

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الدِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Apakah hukum menyewakan kedai kepada orang bukan Islam untuk tujuan buka kedai judi haram?. Apakah duit sewa itu haram?

Jawapan :

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar kita Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Hukum menyewakan rumah atau kedai kepada orang bukan Islam untuk tujuan membuka kedai judi adalah haram kerana menyokong dan bersubhat dalam perkara kemaksiatan yang dimurkai oleh Allah SWT. Hal ini jelas dinyatakan dalam Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2 iaitu:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan **jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.** Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya”

Hukum pengharaman judi juga secara jelas telah dinyatakan oleh Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 90 iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

(Surah al-Maidah: 90)

Menurut Ibnu Qudamah dalam kitabnya *Al- Mughni Syarh Mukhtasar Al-Khiraqi* haram menyewakan rumah kepada seseorang untuk dijadikan rumah tersebut sebagai gereja, atau jual beli seperti arak dan judi. Juga diharamkan untuk menyewakan rumah tersebut dimana tempat berkumpulnya orang ramai untuk melakukan perkara-perkara yang mungkar seperti zina, minum arak dan perkara yang seumpama denganya.

Begitu juga dalam perkara-perkara yang menyokong kearah kemaksiatan juga amatlah ditegah dan diharamkan oleh Allah SWT.

Hal ini telah dinyatakan juga dalam kitab *Mausu'ah Fiqhhiyyah Kuwaitiyah*, diharamkan menyewakan rumah untuk tujuan yang tidak mematuhi syarak seperti penyewa menggunakan rumah tersebut untuk meminum arak atau bermain judi atau menjadikannya gereja atau tempat ibadat (bukan Islam) dan tempat berhala. **Dan diharamkan ketika itu mengambil bayaran sewa sebagaimana diharamkan membayarnya. Hal ini kerana terdapat unsur membantu dalam perkara kemaksiatan.**

Ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyatakan bahawa:

مَا حَرَّمَ اسْتِعْمَالُهُ حَرَّمَ اتِّخَاذَهُ

Maksudnya: *Yang haram menggunakannya, haram memperolehnya*

Menurut Sheikh Muhammad al-Zuhayli, kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu yang diharamkan menggunakan dan memperolehnya, maka ianya diharamkan secara *qati'e*(jelas). Antara yang lain juga, apa sahaja aktiviti dan amalan yang menjadi *wasilah* (perantaraan) dikira terbabit sama termasuk mengusahakan dan menghasilkan juga diharamkan oleh syarak.

Kesimpulannya, haram menyewakan rumah kepada orang bukan Islam untuk tujuan kemaksiatan dan perkara yang dimurkai oleh Allah SWT. Adapun, diharuskan menyewakan rumah kepada orang bukan Islam hanya sekadar tempat tinggal untuk mereka sahaja. Oleh itu, jabatan ini menyarankan bahawa lebih utama rumah tersebut disewakan kepada orang Islam terlebih dahulu. Semoga kita semua sentiasa menjalankan muamalah yang diredhai oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan.
2. Ibnu Qudamah. *Al- Mughni Syarh Mukhtasar Al-Khiraqi*.
3. Muhammad Al-Zuhayli. *Kitab Qawaid Fiqhhiyyah Watatbiqatiha Fil Al-Mazahib Al- Arba'ah*.
4. *Mausu'ah Fiqhhiyyah Kuwaitiyah*. Jilid 8 halaman. 228.